

Pelaburan di Malaysia terjamin: PM

B.H 16 NOV 1993

Oleh Azhar Abu Samah, Mohamed Said dan Azmi Akop

MALAYSIA percaya perlunya campur tangan dalam pasaran sebagai jaminan kerajaan dan bagi melindungi kepentingan pelaburan tempatan dan asing di negara ini, kata Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pelabur perlu melihat campur tangan itu sebagai satu jaminan oleh kerajaan ke atas wang yang mereka laburkan dalam sebarang projek di sini.

"Dalam pada kita melonggarkan sesuatu dasar itu, ada masanya kerajaan perlu campur tangan sebagai penjamin pelaburan. Kerajaan akan berada di belakang anda (pelabur)," katanya pada sesi perbincangan dengan

peserta persidangan antarabangsa, Malaysia: Kuasa Ekonomi Dekad 90an, di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira 50 minit untuk menjawab pelbagai pertanyaan daripada peserta persidangan. Sebelum itu, beliau menyampaikan ucapan dasar bertajuk, 'Dari Sini ke 2020'. Persidangan tiga hari itu yang bermula kelmarin dihadiri kira-kira 242 tokoh korporat, ahli perniagaan dan perbankan seluruh dunia.

Beliau berkata, langkah seumpama itu adalah bertujuan menjaga kepentingan pelabur supaya pelaburan mereka di negara ini tidak terjejas.

Malah, katanya sektor swasta juga meminta kerajaan mengurangkan peraturan pasaran yang mana, kadangkala mereka boleh dipertanggungjawabkan terhadap kekusutan yang berlaku dalam pasaran.

Dr Mahathir juga berkata, khabar angin yang berpunca daripada pihak tertentu akan menaik atau menurunkan nilai mata wang, bergantung kepada bagaimana mereka boleh mendapat keuntungan daripada pergerakan mata wang sehingga menyebabkan Bank Negara terpaksa campur tangan untuk mengawal keadaan.

"Misalnya, khabar angin bertiup kononnya

mata wang Malaysia akan diturunkan nilainya dan keadaan ini menjadikan nilai ringgit seolah-olah turun. Berikutan itu kita (kerajaan) terpaksa berbuat sesuatu mengenai-nya," katanya.

Dr Mahathir berkata, orang ramai sepatutnya gembira dengan langkah kerajaan terus bertanggungjawab memastikan pasaran di negara ini berjalan dengan baik.

"Kita akan hanya campur tangan, jika keadaan memerlukan," katanya.

Mengenai persaingan, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak suka kepada keadaan itu jika ia terlalu sengit sehingga menyebabkan sesetengah syarikat menjadi muflis.